

**-i£i PAKLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARIKHAMIS: 25 NOVEMBER 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAP AT DI JAWAB DID ALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2,10,13 HINGGA 41)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3 HINGGA 9,11,12

[RUJTIK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2010

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah pencapaian Malaysia mengenai pelepasan karbon 40 peratus yang telah dicadangkan di Copenhagen tahun lalu dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan “Road Map” ke arah pencapaian pengurangan 40% intensiti karbon. “Road Map” ini adalah meliputi 3 program utama iaitu, kecekapan tenaga (*energy efficiency*), tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*), dan pengurusan sisa pepejal (*solid waste management*). Ketiga-tiga program ini mampu mengurangkan 45 juta tan karbon dioksida (C02). Untuk memenuhi sasaran di atas negara hanya perlu mengurangkan sebanyak 38 juta tan C02.

Hasil daripada pelaksanaan “Road Map” di atas, sehingga kini pencapaian pengurangan intensiti karbon adalah seperti berikut:

- (i) 19.1 juta tan C02 telah dikurangkan daripada sektor tenaga boleh diperbaharui; dan
- (ii) 4.5 juta tan C02 telah dikurangkan daripada sektor kecekapan tenaga.

Jumlah kumulatif pengurangan C02 setakat ini ialah 23.6 juta tan berbanding dengan sasaran 38 juta tan. Peratusan pencapaian sehingga kini adalah 62%. Selain daripada program-program di atas, kita juga sedang melaksanakan program penanaman 26 juta pokok di seluruh

SOALAN NO.: 2

negara dan ini juga akan menyumbang kepada usaha pengurangan intensiti karbon.

Bagi mengurangkan pelepasan intensiti karbon dalam jangka masa panjang, Kerajaan sedang menyediakan satu “Road Map” yang komprehensif dan terperinci. Ini akan melibatkan sektor seperti pengangkutan, proses industri dan pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BT KAMARUDDIN
(AMPANG)**

**TARIKH , : 25 NOVEMBER 2010
(KHAMIS)**

SOALAN

**Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG)
minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
menyatakan apakah perancangan yang dibuat untuk mengatasi
masalah kesesakan jalan raya di Jalan Ampang menuju ke Jalan
Bukit Belacan.**

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Jalan Ampang menuju ke Jalan Bukit Belacan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah mencadangkan agar Jalan Ampang dari Jalan Wawasan Ampang ke Jalan Bukit Belacan dinaiktarafkan. Cadangan ini melibatkan kerja-kerja pelebaran rizab jalan sebanyak 40 meter. Cadangan ini adalah terkandung dalam Draf Rancangan Tempatan 2020 Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALB I

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan Malaysia dan agensinya, Tourism Malaysia, sentiasa berusaha menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia melalui pelbagai kempen. Di antara kempen yang telah dijalankan bagi menarik jumlah kemasukan pelancong ke negara ini adalah melalui kempen '*Malaysia, Truly Asia*'. Semenjak kempen ini diperkenalkan pada tahun 1999, jumlah kemasukan pelancong ke negara ini telah meningkat dari 8 juta pelancong ke 20.9 juta pelancong pada 2007. Jumlah perbelanjaan pelancong pula telah meningkat dari RM12 bilion kepada RM40 bilion pada tahun 2007.

Kempen '*Malaysia, Truly Asia*' ini turut memenangi beberapa anugerah antarabangsa diantaranya; Malaysia-Top Destination for UAE Residents, Most Outstanding Achievement in Marketing of Travel Deals for a Destination, DAS GOLDENE STADTTOR (The Golden City Gate) di The International Tourisme Borse (ITB), Berlin, Most Popular Outbound Destination, Best Eco- Tourism & Best Branding, Travel Weekly (Asia) Industry Awards Hong Kong, Beijing International Travel Exhibition, PATA Gold Awards dan Best Tourist Destination.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara kempen lain yang telah dilaksanakan secara besar-besaran adalah kempen Tahun Melawat Malaysia yang telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada tahun 1990, 1994 dan terbaru pada tahun 2007. Bagi kempen 2007, Kementerian Pelancongan telah menyertai pelbagai pameran antarabangsa seperti *ASEAN Tourism Forum*, *World Travel Mart* dan *Arab Travel Mart* bagi mempromosi dan menarik pelancong ke Malaysia. Pelbagai pakej khas telah diwujudkan bagi memanjangkan lagi tempoh purata penginapan mereka di Malaysia. Usaha-Usaha ini terbukti berkesan apabila seramai 20.9 juta orang pelancong asing telah berkunjung ke Malaysia, iaitu peningkatan sebanyak 19.5 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah pendapatan sebanyak RM46.1 billion.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada kempen-kempen besar, Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia sentiasa mengadakan pelbagai aktiviti promosi seperti seminar kepada penggiat industri pelancongan, penglibatan di dalam pelbagai pameran dan aktiviti *Mega Fam*. Kebanyakan program *Mega Fam* menyokong acara-acara Nasional dan juga acara-acara negeri yang dianjurkan di seluruh Malaysia. Di sepanjang tahun 2010, sebanyak 15 acara *Mega Fam* telah dijalankan. Setakat Oktober 2010, seramai 587

media dan agensi pelancongan telah dijemput untuk menyertai program ini. Nilai publisti yang dijana melalui program ini adalah sebanyak RM10.07 juta setakat Oktober 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar Negara juga turut melaksanakan aktiviti promosi secara agresif untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia. Kini Kementerian Pelancongan mempunyai 44 buah pejabat di hampir setiap benua di seluruh dunia. Keberkesanan pejabat-pejabat ini secara umumnya boleh diukur dengan melihat peningkatan ketibaan pelancong dari pelbagai negara di serata dunia.

Pada tahun 2009, jumlah kedatangan pelancong seluruh dunia telah mencatatkan penurunan sebanyak 4.2 peratus dan jumlah pendapatan bagi sector pelancongan seluruh dunia juga turut menurun sebanyak 5.7 peratus. Walau bagaimanapun, bagi tahun yang sama, Malaysia telah mencatatkan peningkatan ketibaan pelancong sebanyak 7.2 peratus serta peningkatan pendapatan daripada sekor pelancongan sebanyak 7.7 peratus. Malaysia juga telah tersenarai di tempat kesembilan di dunia dari segi jumlah kedatangan pelancong. Ini adalah kesan positif yang terhasil daripada aktiviti promosi dan pemasaran yang efektif dan

berterusan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia akan sentiasa berusaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia. Pelbagai program menarik sentiasa dirancang supaya dapat menarik pelancong dari pelbagai lapisan dan kumpulan. Namun, kerjasama pelbagai pihak seperti sektor swasta, bandan-badan bukan kerajaan serta masyarakat Malaysia secara umum juga penting untuk memastikan kejayaan industri pelancongan Negara berterusan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH 25 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perancangan untuk mendirikan mercu tanda tarian singa di bandar Muar demi mengenangkan jasa Kun Seng Keng yang telah menjulang Piala Dunia Tarian Singa di arena antarabangsa. Di manakah lokasi mercu pembinaan yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini amat menghargai usaha dan inisiatif Persatuan Tarian Singa dan Naga Kun Seng Keng dalam memperkenalkan Tarian Singa yang berciri tempatan. Usaha ini harus dipuji memandangkan semangat gigih pasukan dalam mengangkat tarian warisan ini yang merupakan salah satu daripada tarian yang telah diiktiraf sebagai warisan kebangsaan.

Soalan No : 15

Kementerian ini mencadangkan adalah baik sekiranya mercu tanda tersebut dibina di sekitar perkampungan persatuan. Pembinaan mercu tanda akan dapat memperkenalkan keunikan seni dan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini dan usaha ini juga dilihat sebagai tanda penghargaan kepada masyarakat Cina khususnya Persatuan Tarian Singa dan Naga Kun Seng Keng.

Kementerian ini bersedia memberikan kerjasama dalam usaha menjayakan pembinaan mercu tanda Tarian Singa tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL)
TARIKH	25.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah punca yang menyebabkan kemerosotan generasi muda Malaysia bertutur dalam Bahasa Melayu dan apakah strategi Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Masyarakat di negara ini, khususnya yang melalui sistem pendidikan kebangsaan sudah sedia terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul. Keadaan ini telah berlaku selama lebih daripada 40 tahun, iaitu semenjak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Kerajaan mulai tahun 1970, selepas Akta Bahasa Kebangsaan 1967 diwartakan.

SOALAN NO: 14

Keputusan peperiksaan seperti UPSR, PMR, dan SPM menunjukkan peningkatan pencapaian dalam subjek bahasa Melayu pada setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa generasi muda Malaysia dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik.

KPM juga mengadakan aktiviti kokurikulum bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul dalam kalangan generasi muda seperti Pertandingan Forum Remaja, Pertandingan Forum Pelajar, Pertandingan Pidato dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahasa Melayu masih menjadi pilihan generasi muda Malaysia untuk bertutur kerana bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi dan bahasa kebangsaan yang boleh difahami oleh semua kaum di negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan dalam kalangan generasi muda menggunakan bahasa Melayu bercampur, bahasa ibunda dan dialek tempatan. Antara puncanya ialah;

- i. perkembangan teknologi komunikasi maklumat yang pesat dengan gelombang bahasa internet melalui laman sosial seperti *facebook* dan *twitter*, ruang sembang dan blog yang menggunakan bahasa pasar yang ketara;**
- ii. kurang pengawasan dan pemantauan daripada pihak berkuasa dalam menggunakan bahasa kebangsaan yang baik dalam urusan harian dan rasmi.**

Antara strategi KPM dalam menangani isu ini adalah seperti yang berikut;

- i. menekankan literasi asas bahasa yang merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta asas berbahasa seperti pradengar, prabunyi dan prabacaan;**
- ii. menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu secara didik hibur dengan menyediakan suasana yang lebih menyeronokkan dan menarik melalui pelbagai kaedah agar murid lebih seronok belajar bahasa Melayu, seterusnya dapat menguasai bahasa**

Melayu dengan baik;

- iii. menggunakan teknologi maklumat seperti perisian digital, e-mel, laman sembang dan laman sesawang agar pengajaran dan pembelajaran lebih bersifat interaktif dan menarik kerana generasi muda cenderung kepada komunikasi teknologi maklumat;**
- iv. memastikan guru Bahasa Malaysia merupakan guru yang terlatih serta beropsyen Bahasa Malaysia. Guru yang tidak terlatih diberikan kursus peningkatan profesionalisme yang memberikan pendedahan tentang perkembangan terkini ilmu pedagogi dan juga perkembangan bahasa dari semasa ke semasa;**
- v. meningkatkan jaminan kualiti dengan mengadakan pemantauan di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah secara berterusan bagi memastikan program yang dirancang di peringkat kementerian dijalankan dengan lancar dan berkesan; dan**
- vi. membentuk kumpulan penutur bahasa Melayu, khususnya dalam kalangan pemimpin yang mampu menjadi model penuturan bahasa Melayu yang baik dan berkesan.**

Di samping itu, KPM juga mengambil beberapa strategi untuk menggalakkan generasi muda Malaysia bertutur dalam bahasa Melayu. KPM telah memperkenalkan program Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Melalui program ini, Bahasa Melayu akan terus dimartabatkan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, selaras dengan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN

Pertanyaan

Daripada

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal]

Tarikh Menjawab
Soalan

25 November 2010 (Khamis)

Tuan Tan Tee Beng [No. 16 Nibong Tebal] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sama ada benar syarikat- syarikat tempatan yang dikatakan telah melabur sejumlah RM22 billion sejak 2006 dalam bidang pengeluaran biofuel kini memohon subsidi dari Kerajaan akan melayani permohonan tersebut.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi tidak ada menerima sebarang permohonan subsidi daripada syarikat-syarikat tempatan yang telah melabur dalam bidang pengeluaran biofuel. Kementerian juga tidak pasti sama ada jumlah pelaburan sebanyak RM22 billion yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tepat atau tidak.

Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat pengeluar biodiesel berpeluang untuk membekalkan biodiesel kepada syarikat-syarikat petroleum apabila program penggunaan mandatori biobahan api (biodiesel sawit) pada kadar 5 peratus (B5) dilaksanakan secara berperingkat mulai Jun 2011.

SOALANNO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Ir. HAJIHAMIM BIN SAMURI

TARIKH: 25 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bagaimana Kementerian boleh berunding dengan Kementerian Pelajaran dan lain-lain tentang bayaran gaji yang terlalu rendah (di bawah paras kemiskinan) kerana bayaran gaji tersebut berdasarkan kepada harga rendah yang diterima oleh pihak Kementerian ke atas tawaran penender dalam tawaran kerja-kerja kawalan keselamatan dan kebersihan premis bangunan Kerajaan seperti sekolah dan sebagainya.

PR-1233-L39376

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan serius dan komited dalam melaksanakan dasar Gaji Minimum di negara ini. Dasar ini bertujuan, antara lainnya, untuk meningkatkan gaji pekerja swasta di negara ini yang meningkat terlalu rendah sejak lebih 10 tahun yang lepas dan mengambil kira peratus pekerja yang mendapat gaji di bawah RM700 sebulan, iaitu 34 peratus daripada 1.3 juta pekerja yang dikaji di bawah *National Employment Return* (NER) pada tahun 2009. Seterusnya, Kerajaan berharap dengan pelaksanaan dasar ini, akan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat secara keseluruhannya termasuk untuk pekerja-pekerja yang terlibat dengan kerja-kerja kawalan keselamatan dan pembersihan bangunan.
2. Dalam hal ini, Y.A.B. Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2011

telah menyatakan persetujuan Kerajaan untuk melaksanakan sistem Gaji Minimum Kebangsaan. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil majikan, kesatuan sekerja, agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan individu-individu berkepakaran. Majlis ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti mekanisme pelaksanaan gaji minimum yang terbaik dari segi kadar gaji, liputan, sektor/industri yang akan terlibat dan sebagainya. Suatu Akta mengenai pelaksanaan gaji minimum dan penjalanan Majlis tersebut juga sedang digubal dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2011.

3. Majlis tersebut akan membuat konsultasi dengan semua pihak yang terlibat mengenai kuantum gaji minimum yang akan ditetapkan dengan mengambil kira aspek-aspek perlindungan kepada pekerja dan keupayaan syarikat serta kesan kepada pekerjaan dan ekonomi negara. Mekanisme pelaksanaan yang akan dicadangkan oleh Majlis tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan sebelum sebarang pengumuman dibuat.

4. Pihak Kementerian Sumber Manusia ketika ini sedang mengadakan perbincangan dengan semua *stakeholders* bagi menggubal akta gaji minimum kebangsaan. Pelaksanaan gaji minimum perlu dibuat dengan berhati-hati kerana ia boleh memberi kesan ke atas ekonomi dan pekerjaan di negara ini sekiranya kadar yang ditetapkan terlalu tinggi. Contohnya Hong Kong yang baru-baru ini meluluskan undang-undang mengenai gaji minimum mengambil masa lebih 10 tahun membuat kajian dan pada masa ini pun Hong Kong masih belum melaksanakan gaji minimum.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PAD A


**TUAN TONY PUA KIAM
WEE [PETALING JAYA
UTARA]**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

25.11.2010

A. Saw 25/11/10


Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butir-butir projek kad pintar untuk mengawal pembelian petrol mengikut keupayaan yang telah diberhentikan, termasuk nama pembekal, kos yang terlibat, skop projek dan sebab-sebab terperinci projek dibatalkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin dan sentiasa memberi tumpuan khusus dalam usaha untuk memastikan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat yang benar-benar memerlukannya. Berdasarkan pemantauan yang berterusan oleh agensi yang berkenaan serta maklum balas rakyat di masa lepas, adalah didapati Kerajaan telah menanggung subsidi yang besar ke atas produk petroleum yang berpunca daripada berlakunya ketirisan. Dengan itu, pelaksanaannya telah diputuskan untuk ditambah baik supaya lebih efektif dan dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

Justeru, dengan mengambil kira pandangan semua pihak dan menjaga kepentingan rakyat, Kerajaan telah mengkaji secara teliti dan mendalam akan keperluan untuk melaksanakan pengurangan subsidi yang lebih terancang dan secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak meneruskan kaedah penstrukturan semula subsidi petrol mengguna pakai kad pintar. Sebaliknya, kaedah pengurangan subsidi secara berkala, yang antara lain mengambil kira kenaikan harga petroleum di pasaran dunia, akan diteruskan dimana kerajaan telahpun melaksanakan kadar harga bahan api yang lebih tinggi pada bulan Julai 2010. Langkah ini dilihat telah dapat diterima oleh rakyat kerana lebih terancang dan mudah dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Kad Pintar yang diumumkan oleh Kerajaan telah diusahakan bersama dengan pihak Malayan Banking Berhad (Maybank) dengan kos yang masih dalam penelitian Kementerian Kewangan setelah mengambil kira skop kerja yang telah disiapkan sehingga tarikh projek dibatalkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] 25

TARIKH NOVEMBER 2010

SOALAN

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bercadang merombak Modul Kursus seperti Diploma Pengurusan Awam dan lain-lain bagi pegawai-pegawai semua peringkat supaya lebih sesuai dengan keperluan dan masa depan negara. Sejauh manakan kesan latihan kepada para pegawai Kerajaan dapat meningkatkan kecekapan dan integriti mereka.

JAWAPAN

NO. SOALAN: 19

YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi agensi pelaksanaanya Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bertanggungjawab menjalankan latihan merangkumi semua peringkat dan gred jawatan dalam perkhidmatan awam.

Bagi memastikan latihan yang dilaksanakan memenuhi keperluan perkhidmatan awam, dasar dan aspirasi negara, JPA membuat penambahbaikan secara berterusan terhadap modul-modul latihan yang dijalankan.

Secara khususnya, setiap program latihan yang dijalankan direncana berlandaskan Teras Ke Empat RMK-10: iaitu “Membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia” Ia bertujuan untuk melahirkan “*thinking civil servants*” yang beretika tinggi, inovatif, kreatif dan berdaya saing.

NO. SOALAN: 19

Modul Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) turut menjalani penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan ia sentiasa relevan dan menepati keperluan kompetensi semasa dan ekspektasi “*stakeholders*”. Modul kursus DPA telah disemak semula dari segi tempoh pelaksanaan dan komponen kursus agar tahap profesionalisme pegawai dapat ditingkatkan melalui penekanan kepada aspek pembentukan sikap (*attitude*), peningkatan kemahiran (*skill*) dan kepentingan ilmu pengetahuan (*knowledge*). Kompetensi pegawai turut dimantapkan melalui pelaksanaan modul secara kluster seperti ekonomi, pertahanan awam, keselamatan dan pengurusan sosial dan infrastruktur.

Bagi mengukuhkan lagi semangat cintakan negara dan nilai integriti di kalangan penjawat awam khususnya pegawai-pegawai muda, JPA akan memperkenalkan latihan asas ketenteraan (wataniah) dalam kursus DPA. Latihan ini dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Pasukan Simpanan, Tentera Darat Malaysia bermatlamatkan antara lain untuk memenuhi Dasar Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) di kalangan penjawat awam dan menambah bilangan ahli pasukan simpanan negara.

Bagi memastikan kualiti dan keberkesanan pelaksanaan kursus ini terpelihara, JPA sentiasa memantau dan menjalankan audit dalaman bagi

NO. SOALAN: 19

memastikan perjalanan kursus DPA adalah selamat dan mencapai objektif kursus yang telah digariskan.

Di samping itu, pelbagai kursus baru turut diperkenalkan bagi semua kategori penjawat awam, iaitu kategori sokongan dan pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P). Sebagai contoh kursus berkaitan latihan dalam kepimpinan, *talent management*, peningkatan profesionalisme, kursus-kursus kepentingan Kerajaan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam perkhidmatan awam. JPA juga dalam usaha menyediakan kursus-kursus bertaraf sijil dan diploma kepada para penjawat awam peringkat sokongan bagi meningkatkan tahap kecekapan dan profesionalisme mereka.

Selain daripada fokus kepada latihan yang berbentuk ilmiah dan aplikasi, JPA sentiasa menitikberatkan penerapan nilai-nilai murni ke atas penjawat awam dengan memberi fokus kepada latihan peningkatan integriti, kualiti dan produktiviti dalam bidang tugas masing-masing. Pembudayaan sikap yang positif dan nilai-nilai murni, akan dapat mempertingkatkan budaya kerja yang berprestasi tinggi dalam perkhidmatan awam dan seterusnya meningkatkan kredibiliti sektor awam.

Sekian. Terima kasih.

AiDJ_e¹⁰

NO. AUM : 10

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	RUJUKAN LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENNA]
TARIKH	25 NOVEMBER 2010
	3234

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah badan yang bertanggungjawab serta prosedur dalam meluluskan filem iklan Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan oleh TV3 pada tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Badan yang bertanggungjawab meluluskan filem iklan Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan di TV3 pada tahun ini adalah Lembaga Penapis Filem (LPF) yang terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Walau bagaimanapun, pihak TV3 tidak mengemukakan iklan tersebut untuk tapisan dan kelulusan oleh LPF.

Oleh kerana filem iklan tersebut telah disiarkan menerusi stesen televisyen, maka isu tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Sehubungan itu, KDN percaya bahawa KPKK telah mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara ini.

SULIT |

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Tujuan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ini digubal adalah untuk mewujudkan kesalahan jenayah kepada aktiviti ini termasuk untuk menghukum individu-individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan ini. Akta ini juga memperuntukkan penubuhan Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO) yang berfungsi untuk merumuskan dasar dan program bagi mencegah dan menghapus pemerdagangan orang.

Definisi pemerdagangan orang seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007 adalah bermaksud “perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud eksploitasi di mana terdapat 5 kategori pertuduhan iaitu:

Seksyen 12: Kesalahan pemerdagangan orang

Seksyen 13: Kesalahan pemerdagangan orang dengan cara ancaman, kekerasan, dan sebagainya Seksyen 14: Kesalahan pemerdagangan

kanak-kanak Seksyen 15: Kesalahan mendapatkan keuntungan

daripada eksploitasi orang yang diperdagangkan Seksyen 23 (2):

Obligasi pemunya, operator atau nakhoda pengangkut

Sekiranya terdapat mangsa yang didera, Seksyen 13 boleh digunakan di mana jika terdapat unsur-unsur seperti berikut:

- (a) ancaman;
- (b) penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain; pemelarian;
- (c) fraud;
- (d) perdayaan;
- (e) penyalahgunaan kuasa;
- (f) penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan pemerdagangan orang; atau
- (h) pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan,

suspek boleh dihukum penjara tidak kurang 3 tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian,

Sejak Akta ini mula berkuatkuasa iaitu pada 28 Februari 2008 hingga Oktober 2010, sebanyak 300 pertuduhan telah dibuat. Daripada keseluruhan jumlah pertuduhan tersebut, sebanyak 14 kes telah disabitkan kesalahan. Bagi kesalahan di bawah Seksyen 13, sebanyak 12 kes telah disabitkan manakala hukuman penjara paling tinggi yang telah dikenakan setakat ini adalah penjara 8 tahun. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia tidak memandang remeh terhadap isu pemerdagangan orang yang turut melibatkan aspek penderaan.

Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2010-2015 pada Mac 2010 sebagai instrumen bagi menangani jenayah ini terutamanya yang menyentuh mengenai bidang pencegahan, pemulihan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang termasuk pendakwaan. Pelan Tindakan Kebangsaan ini menekankan kepada pentingnya kerjasama pintar di

semua peringkat di mana ianya memerlukan penyertaan daripada pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.

Selain itu juga, pendekatan secara komprehensif dan tindakan-tindakan bersepadu serta kerjasama oleh agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat serantau dan antarabangsa memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat antarabangsa mengenai komitmen Kerajaan Malaysia bagi menangani masalah pemerdagangan orang. Ini dilakukan dengan mempertingkatkan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk untuk mengelakkan daripada berlakunya kegiatan pemerdagangan di Malaysia serta kerjasama yang dilaksanakan dengan negara-negara jiran bagi membantu melicinkan proses penyiasatan dan penangkapan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan berusaha secara komited untuk membanteras gejala pemerdagangan orang di mana pelbagai inisiatif telah diambil termasuk memberikan pendedahan mengenai perkara ini di media- media cetak dan media eletronik.

Pada 15 Julai 2010 dan 3 Ogos 2010, Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskan pindaan Akta Antipemerdagangan Orang 2010 di mana kadar penalti dan juga tempoh penjara telah ditingkatkan bagi kesalahan

pemerdagangan orang dan juga penalti ke atas pertubuhan perbadanan yang terlibat memperdagangkan orang.

Adalah diharapkan melalui pindaan Akta ini akan dapat mencegah sindiket atau pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk terlibat di dalam aktiviti pemerdagangan orang.

No: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN (TANJONG MANIS)**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

25 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) jumlah subsidi yang diberi kepada Penjana Tenaga Bebas (IPP) bagi tahun 2008, 2009 dan 2010; dan**
- (b) adakah Kerajaan akan merunding semula pemberian subsidi tersebut sepertimana yang dicadangkan bagi subsidi gula, minyak diesel, minyak masak, tepung dan sebagainya.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak pernah memberikan subsidi secara langsung dalam bentuk kewangan bagi membiayai penjana bebas atau *independent power producers* (IPP), dengan izin, milik swasta. Ini adalah kerana keputusan Kerajaan untuk menswastakan sektor pembangunan jana kuasa elektrik melalui kaedah Bina-Kendali-Milik (*Build-Operate-Own*) adalah sebagai langkah memperkenalkan

persaingan serta meningkatkan kecekapan dalam sektor berkenaan. Pihak penjana bebas telah berjaya membiayai pembinaan loji-loji jana kuasa mereka melalui modal masing-masing dan penyertaan ekuiti dari pelabur lain serta pinjaman dari institusi kewangan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memberikan subsidi kepada sektor penjanaan elektrik dengan menetapkan harga gas sebanyak RM6.40/MMbtu yang berkuatkuasa semenjak Mei 1997 dan dinaikkan kepada RM14.31/MMbtu pada 2008. Akan tetapi harga gas kepada sektor elektrik telah dikurangkan kepada RM10.70/MMbtu pada awal 2009 sehingga sekarang berikutan trend penurunan harga pada pasaran antarabangsa. Tujuan penetapan harga gas tersebut adalah bagi mengekalkan kadar tarif elektrik pada tahap yang munasabah. Dengan itu, subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan dengan penetapan harga gas yang lebih rendah dari harga pasaran adalah untuk kepentingan rakyat dan bukannya pihak penjana bebas.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan program rasionalisasi subsidi yang dijalankan oleh Kerajaan, pemberian subsidi kepada sektor elektrik juga sedang dibincangkan sepertimana yang dicadangkan bagi subsidi gula, minyak diesel, minyak masak, tepung dan sebagainya. Semenjak tahun 1997, Kerajaan memutuskan untuk menetapkan harga gas kepada sektor elektrik dan seterusnya kepada sektor bukan elektrik mulai tahun 2002. Pemberian subsidi kepada sektor elektrik dan bukan elektrik yang melibatkan harga gas ini akan dimansuhkan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan harga gas dapat diselaraskan

kepada harga pasaran menjelang 2015.

NO. SOALAN:..?^

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS
(2010)** _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]

TARIKH 25 NOVEMBER 2010 [KHAMIS]

SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **Perdana Menteri** menyatakan perkembangan cadangan mewujudkan saluran TV Islam di negara ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang dimaksudkan saluran TV Islam ialah TV ALHIJRAH yang dikendalikan oleh ALHIJRAH MEDIA COPARATION (HMC). Pada masa ini, TV ALHIJRAH telah mendapat Lesen daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (S.K.M.M.) beserta dengan kelulusan untuk untuk pemasangan pemancar di 5 lokasi iaitu:-

- Ulu Kali bagi liputan disekitar Lembah Klang;
- Bukit Tinggi, Mersing bagi siaran sebahagian Johor;
- Bukit Besar, Kuala Terengganu, bagi siaran sekitar Terengganu; Gunung Serapi bagi siaran sekitar Kuching; dan
- Bukit Keratong bagi siaran sekitar Kota Kinabalu.

Bagi melengkapkan siaran ke seluruh Negara, permohonan telah dibuat kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (S.K.M.M.) bagi mendapat 6 lagi spectrum tambahan iaitu:-

- di Bukit Pelindung untuk liputan di Pahang;
- Bukit Telapak Buruk bagi liputan Negeri Sembilan dan Melaka;
- Gunung Jerai bagi liputan di Kedah;
- Gunung Keledang bagi liputan di Perak;
- Teliput, Kota Bharu bagi liputan di Kelantan; dan
- Gunung Ledang bagi liputan di Johor Selatan.

Bagi aspek pembinaan Pusat Penyiaran Digital, ia telah disiapkan dan siaran ujian telah bermula pada 1 November 2010 dan siaran penuh serta pelancaran rasmi dijadualkan pada 7 Disember 2010 bersempena sambutan Ma'al Hijrah 1432.

Dari segi kandungan pula, persediaan rancangan-ancangan untuk siaran TV ALHIJRAH juga berjalan lancar yang mana 60% kandungannya adalah terbitan tempatan manakala 40% lagi adalah kandungan asing. TV ALHIJRAH akan bersiaran selama 9 jam pada

Isnin hingga Khamis dan 11 jam pada Jumaat hingga Ahad. TV
ALHIJRAH juga menerbitkan kandungan-kandungannya sendiri seperti
rancangan berbentuk Berita, Ehwat Semasa, Majalah, Dokumentari serta
merancang mengadakan program bersama masyarakat untuk
mendekatkan TV Stesen dengan penonton.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DATUK MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]
TARIKH 25 NOVEMBER 2010
SOALAN

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan jumlah mesin hemodialisis yang terdapat
di hospital-hospital Kerajaan berbanding jumlah pesakit buah
pinggang yang terdapat di negara ini serta apakah perancangan
jangka panjang Kementerian dalam memastikan masalah rakyat ini
dapat di atasi dengan berkesan.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga ini terdapat pusat hemodialisis di 122 buah hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga Disember 2009,

SOALAN NO. 26

terdapat 1,401 buah mesin dialisis di hospital-hospital Kementerian Kesehatan (KKM). Jumlah pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara adalah 21,543 orang di mana 19,607 orang menjalani rawatan hemodialisis dan 1,936 orang menjalani rawatan peritoneal dialisis.

Fasiliti Kementerian Kesihatan telah merawat 32% pesakit daripada jumlah pesakit dialisis, NGO 29% pesakit dan pusat swasta 39%. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang bermutu tinggi. Polisi Kementerian Kesihatan adalah untuk memperluaskan perkhidmatan hemodialisis ke semua hospital KKM serta membangun perkhidmatan hemodialisis sedia ada.

Kerajaan juga menggalakkan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk menubuhkan pusat-pusat hemodialisis. Bantuan kewangan (*capital grant*) diberi untuk pembentukan pusat hemodialisis yang baru atau perkembangan pusat hemodialisis yang sedia ada dengan had maksima 10 mesin hemodialisis. Bantuan kewangan meliputi pembelian peralatan perubatan dan kelengkapan yang bukan perubatan yang berkaitan dengan rawatan pesakit.

Tambahan pula, Kerajaan juga memberikan bantuan subsidi bagi kos rawatan hemodialisis sebanyak RM50.00 kepada setiap pesakit miskin dan kurang berkemampuan yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis NGO tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARI PADA PE
NYAAN RTA LISAN

YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

TARIKH 25 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Seksyen Syariah Jabatan Peguam Negara telah mencapai visi dan misinya dan berapa banyakkah Rang Undang-Undang yang telah disemak oleh seksyen ini dan disahkan sebagai 'syariah compliance' sesuai dengan matlamat penubuhannya.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen Syariah telah ditubuhkan di bawah Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara sejak 1 Jun 2003. Selaras dengan fungsi Peguam Negara di bawah fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Seksyen Syariah, bagi pihak Peguam Negara, bertanggungjawab untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang dan melaksanakan

SOALAN NO: 14

apa-apa

tugas lain yang bersifat undang-undang supaya selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang yang berkuat kuasa dan hukum Syarak.

Kerajaan yakin bahawa Seksyen Syariah di Jabatan Peguam Negara telah mencapai matlamat penubuhannya. Setakat ini, Seksyen Syariah telah banyak memberi nasihat undang-undang yang melibatkan isu perundangan Syariah dan pentadbiran agama Islam yang dirujuk kepada oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) termasuk isu perundangan Syariah dan pentadbiran agama Islam yang dirujuk kepada oleh pihak berkuasa agama Islam Negeri-Negeri.

Seksyen Syariah juga turut membantu dalam penggubalan, pindaan dan penyemakan undang-undang Persekutuan dan Negeri, khususnya bagi undang-undang yang menyentuh isu agama Islam dan undang-undang Syariah. Ini adalah bagi memastikan undang-undang itu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang yang berkuat kuasa dan hukum Syarak atau dalam erti kata lain, memastikan undang-undang

tersebut adalah '*Syariah compliant*'.

Selain itu, Seksyen Syariah juga mempunyai tanggungjawab seperti yang berikut:

- a. menyemak konvensyen, triti dan perjanjian persefahaman antarabangsa dari perspektif undang-undang Syariah; dan
- b. mengkaji isu semasa yang berhubungan dengan konflik antara undang-undang sivil dan Syariah, hak asasi manusia dan hak kesaksamaan gender dari perspektif Syariah, hubungan antara Persekutuan dengan Negeri dan fahaman Islam liberal yang boleh menjejaskan keutuhan dan kemantapan asas perundangan Syariah di negara ini.

Sejak penubuhannya, Seksyen Syariah telah menyemak sebanyak 15 Rang Undang-Undang dan 8 perundangan subsidiari yang disahkan sebagai '*Syariah compliant*'.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)** _____

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL(LIBARAN)

TARIKH 25 NOVEMBER 2010 [KHAMIS]

SOALAN

NO. SOALAN:..?-7

Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) minta **Perdana Menteri** menyatakan setakat mana pelaksanaan TV Al-Hijrah sebagai sebuah stesen baru 100 peratus bercirikan Islam yang dijangka beroperasi pada penghujung tahun 2010 ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TV ALHIJRAH adalah dikendalikan oleh AL HIJRAH MEDIA CORPORATION (HMC). Ia adalah sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (*Public Company Limited By*

Guarantee) yang tiada pemegang saham. Pada masa ini, TV ALHIJRAH telah mendapat Lesen daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (S.K.M.M.) beserta dengan kelulusan untuk untuk pemasangan pemancar di 5 lokasi iaitu:-

- Ulu Kali bagi liputan disekitar Lembah Klang;
- Bukit Tinggi, Mersing bagi siaran sebahagian Johor;
- Bukit Besar, Kuala Terengganu, bagi siaran sekitar Terengganu; Gunung Serapi bagi siaran sekitar Kuching; dan
- Bukit Keratong bagi siaran sekitar Kota Kinabalu.

Bagi melengkapkan siaran ke seluruh Negara, permohonan telah dibuat kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (S.K.M.M.) bagi mendapat 6 lagi spectrum tambahan iaitu:-

- di Bukit Pelindung untuk liputan di Pahang;
- Bukit Telapak Buruk bagi liputan Negeri Sembilan dan Melaka;
- Gunung Jerai bagi liputan di Kedah;
- Gunung Keledang bagi liputan di Perak;
- Teliput, Kota Bharu bagi liputan di Kelantan; dan
- Gunung Ledang bagi liputan di Johor Selatan.

Bagi aspek pembinaan Pusat Penyiaran Digital, ia telah disiapkan dan siaran ujian telah bermula pada 1 November 2010 dan siaran penuh serta pelancaran rasmi dijadualkan pada 7 Disember 2010 bersempena sambutan Ma'al Hijrah 1432.

Dari segi kandungan pula, persediaan rancangan-ancangan untuk siaran TV ALHIJRAH juga berjalan lancar yang mana 60% kandungannya adalah terbitan

tempatan manakala 40% lagi adalah kandungan asing. TV ALHIJRAH akan bersiaran selama 9 jam pada Isnin hingga Khamis dan 11 jam pada Jumaat Mngga Ahad. TV ALHIJRAH juga menerbitkan kandungan-kandungannya sendiri seperti rancangan berbentuk Berita, Ehwat Semasa, Majalah, Dokumentari serta merancang mengadakan program bersama masyarakat untuk mendekatkan TV Stesen dengan penonton.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB DATUK CHUA SOON BUI
[TAWAU]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

25 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah Kementerian akan membatalkan projek loji penjanaan kuasa arang batu di Kg. Sinakut, FELDA, Lahad Datu bila Jabatan Alam Sekitar menolak laporan DEIA projek itu pada bulan Ogos 2010. Apakah tindakan segera yang akan diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Negeri Sabah mengalami masalah bekalan elektrik yang kurang berdaya harap, terutama

SOALAN NO: 14

di Pantai Timur Sabah. Kawasan ini bergantung kepada kapasiti penjanaan yang disalurkan daripada Pantai Barat Sabah dan stesen jana kuasa diesel yang lama serta kurang berdaya harap. Bekalan elektrik yang tidak berdaya harap menjejaskan usaha-usaha pembangunan infrastruktur tenaga dan

infrastruktur-infrastruktur sektor lain, serta menjejaskan potensi daya maju Pantai Timur Sabah untuk menarik minat pelabur-pelabur luar.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa sebuah loji jana kuasa yang berdaya harap amat diperlukan di Pantai Timur Sabah sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mengukuhkan sistem bekalan elektrik di kawasan tersebut. Sungguhpun terdapat potensi penjanaan daripada sumber-sumber alternatif lain seperti biomass, keupayaan kapasiti yang mampu dijana adalah kecil berbanding kaedah konvensional iaitu bahan api gas dan arang batu dan tidak mampu memenuhi permintaan bekalan elektrik di kawasan Pantai Timur Sabah. Oleh itu, dengan mengambil kira ketiadaan bekalan gas, Projek Stesen Jana Kuasa Berasaskan Arang Batu di Lahad Datu merupakan opsyen terbaik dalam menyediakan kapasiti tambahan di kawasan tersebut.

Bagi membolehkan projek ini diteruskan demi manfaat kepada penduduk-penduduk di negeri Sabah, Laporan Terperinci Impak Ke Atas Alam Sekitar (DEIA) akan dikemukakan semula untuk pertimbangan Jabatan Alam Sekitar. Buat masa ini, Kementerian saya sedang mengkaji dan meneliti langkah-langkah interim lain yang dapat diambil bagi menangani masalah bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DATO' ISMAIL BIN KASIM
[ARAU]**

lebih maju.

Di bawah Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006, kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta adalah dikehendaki untuk melaksanakan sumbangan sosial dan kebajikan dengan kuantum yang bersesuaian dengan kemampuan kewangan, tenaga manusia atau sumber lain kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta itu. Justeru itu, pusat-pusat perubatan swasta akan memberikan sumbangan sosial dan kebajikan yang setaraf dengan kemampuan kewangan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 25 NOVEMBER 2010

DARIPADA YB TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan kontrak dan tetap, peruntukan tetap, peruntukan kunjungan luar negeri dan kemudahan lain yang diperuntukkan untuk Isteri Perdana Menteri dari tahun 2000 hingga 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada kakitangan tetap dan kontrak yang diperuntukkan khusus untuk isteri YAB Perdana Menteri. Pegawai-pegawai daripada Pejabat YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa membantu isteri Perdana Menteri dalam menjalankan tugas-tugas rasmi beliau. Kerajaan tidak menyediakan peruntukan tetap atau peruntukan kunjungan luar negeri tahunan secara khusus kepada Isteri Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237)

JAWAPAN:

berkenaan Elaun-Elaun dan Keistimewaan-Keistimewaan bagi Perdana Menteri menyatakan bahawa isteri kepada Perdana Menteri yang mengiringi Perdana Menteri semasa lawatan rasmi atau semasa membuat lawatan rasmi secara bersendirian ke luar negeri atau dalam negeri adalah layak menerima dan menuntut perbelanjaan seperti kelayakan tambang, elaun makan, penginapan, elaun sara hidup dan elaun pakaian panas.

Baik Pengangkutan Awam Dalam Jangka Masa Sederhana (*Urban Public Transport* - UPT) di Lembah Klang.

Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan di bawah NKRA-UPT adalah bertujuan secara amnya untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang.

Perbincangan awal bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 6 Jun 2010 bertujuan untuk bertukar pandangan mengenai penambahbaikan sistem pengangkutan awam. Pada mesyuarat tersebut, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut pada masa akan datang untuk membincangkan inisiatif-inisiatif penambahbaikan sistem pengangkutan awam yang boleh diperkenalkan di Pulau Pinang.

Pada masa kini, tiada peruntukan disediakan di bawah RMK-10 bagi tahun 2011 sehingga 2012 untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang.

A/0:3>

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA


**TUAN YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF (BALIK PULAU)**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

25.11.2010



A. Yusoff
25/11/10

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Balik Pulau) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar Kerajaan mengenai peranan sektor korporat terhadap pembangunan pendidikan melalui kaedah *Corporate Social Responsibility* (CSR). Setakat hari ini, berapakah jumlah sumbangan dana dan pendekatan CSR yang telah disumbangkan dan apakah kesannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyokong aktiviti *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang bertujuan menggalakkan pihak swasta bergiat secara aktif di dalam khidmat masyarakat di samping memberi nilai kepada pemegang saham. Untuk menyokong usaha ini, Kerajaan memberi beberapa insentif percukaian terutamanya dalam pembangunan pendidikan. Insentif cukai diberikan kepada semua syarikat sama ada GLC ataupun tidak di bawah Seksyen 34(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sebagai contoh, senarai insentif CSR terhadap pembangunan pendidikan dan latihan yang dibenarkan potongan cukai adalah seperti berikut:

- i. Sumbangan wang tunai bagi penyediaan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah dan institusi pengajian tinggi;
- ii. Biasiswa yang diberi kepada pelajar yang memerlukan dan belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi tempatan;
- iii. Perbelanjaan bagi menyediakan latihan amali kepada rakyat tempatan yang bukan kakitangan. (Contoh: memberikan latihan amali kepada pelajar universiti); dan
- iv. Perbelanjaan penerbitan buku dalam bahasa kebangsaan berkaitan kebudayaan, kesusasteraan, profesional, saintifik atau teknikal yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di samping itu, badan yang ditubuhkan untuk memberi bantuan kewangan seperti biasiswa kepada pelajar rakyat Malaysia layak dipertimbangkan untuk mendapat taraf pengecualian cukai di bawah seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Contoh program-program yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti penubuhan Dana Belia 1 Malaysia dan Klinik Bergerak 1 Malaysia dengan 4 buah bas oleh syarikat 1MDB, memberi peluang penajaan pelajaran kepada pelajar yang kurang bernasib baik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah Yayasan Tenaga Nasional (YTN), program MyKasih Love kepada 50 buah keluarga oleh Genting Malaysia Berhad dan lain-lain.

Memandangkan pelaksanaan CSR ini adalah tertakluk kepada keputusan syarikat secara sukarela, Kerajaan tidak memberi sumbangan dana secara langsung untuk aktiviti ini. Sehubungan itu, Kerajaan tidak mengumpul maklumat berhubung kesan pendekatan CSR yang digunakan.

NO. AUM : 33

NO. AUP : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

LISAN

DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN [PENDANG]

PERTANYAAN 25 NOVEMBER 2010

DARIPADA 3114

TARIKH SOALAN:

RUJUKAN Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan susulan yang akan dibuat ke atas keluhan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan bahawa ada pihak ketiga yang sering campur tangan di dalam memberi arahan terhadap siasatan pihak PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pendang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya jelaskan di dewan yang mulia ini, mengikut seksyen 4 Akta Polis 1967, Ketua Polis Negara adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pasukan polis. Sehubungan dengan ini juga, mengikut *Ministers of the Federal Government Order* dengan izin, Menteri Dalam Negeri ialah menteri yang bertanggungjawab mengenai polis.

Selain itu, Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, Pengerusi Suruhanjaya Pasukan Polis adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas polis; di mana fungsi-fungsi Suruhanjaya ialah untuk menguruskan pelantikan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib ke atas semua pegawai dan anggota polis termasuklah Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai kanan polis.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, mantan Ketua Polis Negara telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada 12 September 2006 dan

dilanjutkan perkhidmatan secara kontrak sebanyak dua (2) kali untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 13 September 2007 dan tempoh kontrak beliau berakhir pada 12 September 2010. Sebelum berakhirnya tempoh kontrak beliau, Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan kepada beliau bahawa kontrak beliau tidak akan dilanjutkan. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa beliau tidak dimaklumkan terlebih dahulu mengenai status perkhidmatan kontraknya adalah tidak benar.

Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan siasatan terhadap dakwaan ini dan mengambil apa-apa tindakan ke atas beliau. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ketua Polis Negara di atas sumbangan dan khidmat cemerlang beliau kepada Negara.

Tuan Yang Dipertua

Dakwaan mantan Ketua Polis Negara seperti yang dinyatakan iaitu terdapat campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis adalah tidak berasas. Pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan PDRM dalam memastikan keselamatan Negara dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Selain itu aspek kebajikan anggota-anggota polis dan penambahbaikan prasarana turut diberi keutamaan oleh pihak kementerian.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa kementerian dan PDRM sentiasa bekerjasama untuk menjalankan tugas dengan cekap,

bertanggungjawab dan profesional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH

TARIKH: 25 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada betul, terdapat lebih kurang 203,305 isi rumah pekerja kaum India di 2670 estet-estet di seluruh negara dan apakah purata pendapatan sebulan untuk isi rumah-isi rumah tersebut. Adakah Kerajaan bersedia melaksanakan gaji minima RM1500 untuk semua pekerja termasuk pekerja estet.

PR-1233-L40231

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian ini, secara keseluruhannya terdapat seramai 75,264 orang pekerja tempatan yang bekerja di 2,670 ladang seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, pecahan berdasarkan kaum adalah seperti berikut:

- | | | |
|------|-----------|--------------|
| i) | Melayu | 40,965 orang |
| ii) | Cina | 4,035 orang |
| iii) | India | 15,519 orang |
| iv) | Lain-lain | 14,745 orang |

Jumlah isi rumah adalah seramai 203,305 yang disebut bukanlah terdiri daripada kaum India sahaja, tetapi meliputi semua kaum yang tinggal dalam kawasan ladang. Jika berdasarkan anggaran bahawa setiap pekerja mempunyai tanggungan di antara 3 hingga 5 orang, maka jumlah isi rumah kaum India di ladang adalah dianggarkan dalam

lingkungan 50,000 orang.

Berhubung dengan purata pendapatan isi rumah, setakat ini pihak Kementerian tidak mempunyai rekod. Rekod yang ada adalah berkaitan pendapatan pekerja ladang yang ditentukan melalui Pejanjian Bersama di antara The Malayan Agricultural Producer Association (MAPA) dengan National Union of Plantation Workers (NUPW). Manakala bagi majikan yang tidak menjadi ahli MAPA penetapan gaji adalah mengikut syarat perkhidmatan di antara kedua belah pihak.

Terdapat 3 kategori pekerja yang menikmati faedah di bawah Pejianjian Bersama (CA) di antara pihak MAPA (*The Malayan Agricultural Producer*) dan NUPW (*National Union Of Plantation Workers*) iaitu penoreh getah, pekerja am dan pekerja padang. Antara elemen gaji yang terdapat di dalam perjanjian bersama antara kedua-dua pihak terbabit meliputi:

- i. Upah pokok harian;
- ii. *Price Bonus* (berasaskan harga minyak sawit mentah dan getah semasa);
- iii. Bayaran Tambahan (untuk pekerja am ladang sahaja);
- iv. *Outturn* /*Attendants Incentive*; dan
- v. Bayaran kerja lebih masa (mengikut ketetapan Akta Kerja 1955).

Sebagai contoh penoreh getah mampu memperolehi pendapatan serendah RM750.00 sebulan berdasarkan komponen upah seperti berikut:

- i) Gaji harian secara purata RM23.60 sehari atau upah bulanan dianggar melebihi RM700.00.
- ii) pembayaran *outturn/attendance incentives* sebanyak RM3.08,
- iii) Insentif sekiranya *latex* melebihi 11kg sebanyak RM0.73/kg
- iv) Insentif getah *scrap* pula RM0.20/kg

- v) Bonus harian berdasar harga getah, lebihkurang RM17.60 sehari
- vi) Insentif lain seperti *price bonus* sebanyak RM7.00,
Manakala seorang pekerja yang melakukan pekerjaan sebagai pemetik buah (*harvester*) pula akan menerima pendapatan serendah RM800.00 sebulan berdasarkan komponen upah seperti berikut:
 - i) memperolehi pendapatan purata di antara RM800 hingga RM2,700 sebulan atau;
 - ii) secara purata gaji harian sebanyak RM40.18 sehari.
 - iii) ditambah pula dengan bayaran *price bonus* sebanyak RM7.10 sehari,
 - iv) pembayaran *outturn/attendance incentives* sebanyak RM3.08, serta insentif-insentif yang lain.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan serius dan komited dalam melaksanakan dasar Gaji Minimum di negara ini. Dasar ini bertujuan, antara lainnya, untuk meningkatkan gaji pekerja swasta di negara ini yang meningkat terlalu rendah sejak lebih 10 tahun yang lepas dan mengambil kira peratus pekerja yang mendapat gaji di bawah RM700 sebulan, iaitu 34 peratus daripada 1.3 juta pekerja yang dikaji di bawah *National Employment Return* (NER) pada tahun 2009. Seterusnya, Kerajaan berharap dengan pelaksanaan dasar ini, akan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat secara keseluruhannya.

Dalam hal ini, Y.A.B. Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2011 telah menyatakan persetujuan Kerajaan untuk melaksanakan sistem Gaji Minimum Kebangsaan. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil majikan, kesatuan sekerja, agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan individu-individu berkepakaran. Majlis ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti mekanisme pelaksanaan gaji minimum yang terbaik dari segi kadar gaji, liputan, sektor/industri yang akan terlibat dan sebagainya. Suatu Akta mengenai pelaksanaan gaji minimum dan penjalanan Majlis tersebut juga sedang digubal dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2011.

SOALAN NO.: 36

dan Nenggiri merupakan sebahagian dari komponen Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kelantan.

Sehingga kini projek ini masih di dalam peringkat perancangan di mana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sedang di dalam peringkat perbincangan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menentukan kaedah terbaik untuk melaksanakan projek tersebut secara usahasama.

Selain itu, bagi memastikan projek ini berjalan mengikut perancangan, satu tinjauan awal ke atas pendapat penduduk iaitu, Kajian Penerimaan Awam (Public Acceptance Survey) akan dijalankan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan penduduk setempat di kawasan-kawasan yang terlibat. Keputusan kajian tersebut bakal menentukan hala tuju cadangan pembinaan Empangan Lebir dan Nenggiri.


Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

[KOTA RAJA]

PERTANYAAN : LISAN



TARIKH 25.11.2010

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi Kerajaan Barisan Nasional mengenai “industri arak” (merangkumi perkilangan, pemasaran, penjualan, penglibatan orang Islam dan lain-lain) secara keseluruhannya di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengilangan arak di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Eksais 1976. Di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 di mana aktiviti yang melibatkan pengilangan minuman keras perlu dilesenkan. Sehingga kini, terdapat 43 syarikat yang menjalankan aktiviti pengilangan minuman keras dan 46 syarikat yang menjalankan aktiviti pembotolan dan pengadunan minuman keras. Sejak tahun 2006, Kerajaan telah membekukan pengeluaran lesen pengilangan minuman keras. Bagi aktiviti penjualan dan pendedaran minuman

keras yang tertakluk kepada Seksyen 35 Akta Eksais 1976, syarikat yang menjalankan aktiviti tersebut perlu mendapatkan lesen daripada Lembaga Pelesen bagi setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Lesen-lesen yang dikeluarkan Lembaga Pelesen adalah Lesen Rumah Awam, Lesen Rumah Bir, Lesen Jualan Runcit dan Lesen Jualan Borong.

2. Selain itu, di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983 telah menetapkan syarat khusus supaya minuman beralkohol tidak boleh dijual kepada mana-mana orang yang di bawah umur 18 tahun. Langkah ini adalah untuk menyekat aktiviti jualan minuman beralkohol kepada golongan remaja.

3. Melalui Garis Panduan Penapisan Filem 1996 pula, penyiaran iklan minuman keras adalah dilarang dalam siaran televisyen Kerajaan dan swasta. Selain itu, penerbitan iklan minuman keras ke atas media cetak adalah dikawal secara pentadbiran melalui Akta Mesin Cetak 1984. Kawalan ini hanya tertakluk kepada penerbitan berbahasa Malaysia sahaja atas sebab sensitiviti kaum.

4. Di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, mana-mana orang Islam yang meminum minuman yang memabukkan adalah dikira melakukan kesalahan dan jika disabit boleh dikenakan hukuman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT SOALAN NO: 37

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 25 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hasil rundingan dengan pihak MTUC dan MEF berkenaan cadangan meminda di bawah Akta Kerja 1955.

PR-1233-L40969

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama wakil-wakil kesatuan majikan dan pekerja termasuk MTUC dan MEF berhubung cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955. Pada perjumpaan tersebut, kedua-dua pihak mengambil maklum terhadap cadangan pindaan yang telah dikemukakan oleh KSM. Dalam pada itu, mereka telah memberi reaksi yang positif terhadap cadangan tersebut. Namun mereka telah menyatakan bahawa cadangan tersebut perlu dibincangkan dengan ahli-ahli mereka sebelum maklumbalas bertulis diberi kepada pihak Kementerian.

Sehubungan itu, KSM pada masa ini dalam proses mengkaji dan memperinci semula cadangan ini dengan mengambil kira maklum balas yang telah dikemukakan oleh semua *stakeholders* sebelum proses pindaan diteruskan.

SOALAN NO.: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]
TARIKH 25 NOVEMBER 2010
SOALAN**

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kaedah integrasi perkhidmatan kesihatan sektor swasta dan awam seperti yang dinyatakan dalam RMK-10.

Tuan Yang Dipertua,

Perancangan transformasi sistem kesihatan untuk Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) merupakan penggembelengan dan peningkatan aktiviti yang dirancang oleh kerajaan, khasnya Kementerian Kesihatan, sejak kajian separuh penggal RMK4 lagi. Ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk memampankan polisi dan aktiviti sistem kesihatan supaya dapat menangani isu yang dihadapi sekarang dan menyediakan sistem kesihatan yang akan menjawab keperluan rakyat di masa kini dan di masa depan. Sejak 2 dekad yang lampau, isu-isu yang menjadi fokus ialah isu peningkatan mutu perkhidmatan kesihatan termasuk keselamatan pesakit, penambahan kecapaian (access) rakyat kepada

perkhidmatan samada dari segi jarak mahupun pembiayaan, dan penggunaan sumber (*resources*) kesihatan di sektor swasta dan awam dengan cara optima dan efisien.

Pada masa akan datang, setiap keluarga akan didaftarkan dengan pakar perunding keluarga sama ada daripada sektor awam atau swasta. Setiap orang mempunyai pilihan untuk berdaftar dengan doktor pilihan mereka. Ini akan membawa penjagaan kesihatan lebih hampir dengan rakyat. Apabila ahli masyarakat jatuh sakit dan memerlukan rawatan, mereka akan pergi mendapatkan rawatan awal dengan pakar perunding keluarga mereka sendiri. Setiap penyampai perkhidmatan penjagaan kesihatan primer akan mempunyai rekod kesihatan yang lengkap bagi setiap pesakit yang berdaftar dengan mereka termasuk sejarah kesihatan ahli keluarga mereka. Untuk memastikan pakar perunding keluarga menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi kepada komuniti, satu pendekatan yang sistematik akan dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan mereka termasuk struktur tadbir urus yang jelas. Justeru, penyampai perkhidmatan penjagaan kesihatan primer akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memainkan peranan sebagai '*gate-keeper*' kepada rawatan pakar, hospital dan penjagaan kesihatan dengan skop yang lebih tinggi sama ada dalam sektor awam atau swasta. Ini dapat meningkatkan sistem rujukan yang lebih efektif. Sistem ini juga mempunyai kelebihan untuk menggabungkan semua sumber kesihatan dari sektor awam dan swasta. Integrasi sistem penyampaian kesihatan akan dibiayai melalui satu mekanisme insurans kesihatan yang bersepadu. *1Care* merupakan penstrukturan semua sistem kesihatan bersepadu yang

responsif dan memberikan pilihan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti liputan secara universal untuk keperluan rawatan kesihatan penduduk berdasarkan konsep perpaduan dan kesaksamaan.

Sebenarnya perkongsian tenaga kerja antara sektor swasta dan sektor awam telah lama diusahakan oleh Kementerian Kesihatan. Pada masa ini, pengamal perubatan awam boleh bekerja di fasiliti swasta dengan kebenaran ketua jabatannya, dan pengamal perubatan swasta juga boleh bekerja secara kontrak rasmi atau 'sessional' dengan pihak kementerian.

Kerajaan menyedari bahawa perlunya proses transformasi sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan yang mengintegrasikan sektor swasta dan awam, serta pelaksanaan skim pembiayaan kesihatan seperti insurans kesihatan sosial, dapat memberi kesan kepada pelbagai pihak. Oleh itu, ia perlu dilakukan dengan berhati-hati agar perancangannya yang dibuat dengan teliti dan licin serta dapat diterimapakai oleh penduduk Malaysia.

Perancangan teliti ini sedang diusahakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengeluarkan sebuah *blueprint* proses transformasi tersebut. Butiran terperinci untuk membangunkan mekanisma yang akan diaplikasi sedang dikenalpasti, dibincangkan dengan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan diusahagiatkan. Walau bagaimanapun, tarikh perlaksanaannya belum dimuktamadkan lagi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan dapatkah Kerajaan menyediakan peruntukan untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Limbang yang semakin tidak memuaskan dan berbahaya.

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya prihatin dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti dan tahap penyelenggaraan Jalan-Jalan Persekutuan di seluruh negara, termasuk di kawasan Limbang, Sarawak. Pada masa kini terdapat sepanjang 117 kilometer Jalan Persekutuan di Limbang yang sedang diselenggara oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan Zon 2B Negeri Sarawak, iaitu Endaya Construction Sdn. Bhd.. Program penyelenggaraan ini melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti penampalan *potholes*, meratakan bahu

JAWAPAN:

jalan, pemotongan rumput, mencuci sistem perparitan dan pemasangan perabot jalan; dan kerja-kerja penyelenggaraan berkala (*periodic*), termasuk kerja-kerja kecemasan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi tujuan menyelenggara Jalan-Jalan Persekutuan di seluruh negara, termasuk di kawasan Limbang sememangnya disediakan oleh kementerian ini pada setiap tahun. Sebagai contoh, bagi tempoh antara tahun 2006 hingga 2010 sahaja, kementerian ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM15.9 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan RM14.3 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan kecemasan di Jalan Persekutuan di Limbang. Sehubungan itu, kementerian ini akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi tahap keberkesanan dan kualiti Jalan-jalan Persekutuan di negara ini supaya ia sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan selamat kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

40 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAPAN LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN

TARIKH

25 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap ekonomi penghuni-penghuni desa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang disalurkan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap ekonomi penghuni-penghuni desa adalah seperti berikut:

Rancangan Malaysia	Peruntukan bagi Pembasmian Kemiskinan (RM bilion)
Kedua (1971 -1975)	2.35
Ketiga (1976-1980)	6.37
Keempat (1981 - 1985)	11.24
Kelima (1986-1990)	12.97
Keenam (1991 -1995)	13.90
Ketujuh (1996-2000)	16.08
Kelapan (2001 -2005)	19.00
Kesembilan (2006- 2010)	20.99

Untuk makluman Yang Berhormat juga, data di atas tidak termasuk program dan projek yang dibiayai menerusi peruntukan perbelanjaan mengurus. Di antaranya ialah Program Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP), program-program berbentuk kebajikan dan program kredit mikro.

NO SOALAN : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	YB DATO' SRI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR (JERANTUT)
TARIKH	25.11.2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah Askar Melayu Diraja masih unggul dan peranannya dalam mempertahankan keselamatan negara masih diperlukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejarah penubuhan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) telah memperlihatkan sebanyak 31 buah batalion pernah ditubuhkan dan ditempatkan di seluruh negara. Pada hari ini, Rejimen ini masih mempunyai 25 buah batalion setelah enam (6) buah batalion dibubarkan berdasarkan program penstrukturan semula organisasi Tentera Darat. Keunggulan RAMD telah terbukti berdasarkan penglibatannya di dalam Perang Dunia Kedua menentang penjajahan Jepun di Malaya, Insurgensi menentang penganas komunis, era Konfrantasi dan seterusnya Darurat Kedua yang berakhir pada tahun 1989. Rejimen ini juga telah terlibat di dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 1960 sehinggalah ke

hari ini. Rejimen ini juga telah mendapat

NO SOALAN : 41

pengiktirafan di peringkat antarabangsa dalam tugas adat istiadat ketenteraan melalui penglibatan Batalion Pertama RAMD di dalam penugasan kawalan istiadat di Istana Buckingham yang lebih sinonim dengan *London District Public Duties* mulai 29 April hingga 13 Jun 2008. Tuan Yang di-Pertua,

Peranan RAMD dalam mempertahankan Malaysia masih diperlukan kerana pasukan ini merupakan sebahagian daripada ketumbukan infantri Tentera Darat yang menjalankan penugasan operasi sepanjang tahun bagi membendung kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara. Pasukan ini juga sentiasa bersedia sedia untuk membantu dan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Awam dalam penguatkuasaan undang-undang untuk membendung aktiviti yang boleh menggugat ketenteraman awam demi menentukan kestabilan negara dikecapi oleh seluruh rakyat Malaysia.

NO SOALAN : 41